

SU politik MB Johor meninggal dunia
Malaysiakini.com
September 7, 2010

Setiausaha Politik Menteri Besar Johor, Dr Gunawan Mahmood meninggal dunia setelah tidak sedarkan diri di pejabatnya di bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar kira-kira jam 3 petang semalam.

Dr Gunawan, 51, yang menghidap diabetes, mengadu tidak sihat di sebelah pagi dan telah mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta.

Beliau kemudiannya balik ke pejabatnya untuk berehat namun kemudiannya ditemui dalam keadaan terkulai dan sudah tidak bernyawa oleh beberapa kakitangan pejabat Menteri Besar.

Anak saudara alahyarham, Wahyu Budiman Rendra berkata beliau dimaklumkan mengenai kematian bapa saudaranya itu oleh isteri alahyarham.

Jenazah alahyarham dibawa ke Hospital Sultanah Aminah Johor Baharu untuk bedah siasat bagi mengenal pasti punca kematiannya, katanya.

Katanya jenazah alahyarham akan dibawa ke rumah bapanya di Felda Ulu Tebrau dan akan dikebumikan pagi ini di tanah perkuburan Felda Ulu Tebrau.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri, Norhayati Maarof dan tiga anak perempuan dan seorang lelaki berusia antara 13 hingga 21 tahun.

Sebelum dilantik sebagai Setiausaha Politik Menteri Besar Johor pada tahun 2008, Dr Gunawan ialah Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Penerangan (JASA) Johor.

Allahyarham juga Penasihat Persatuan Penulis Negeri Johor.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/142117>